

16/05/2003

Kuiz PNB tingkat pengetahuan pelajar

Haswari Ali

MINGGU Saham Amanah 2003 (MSAM 2003) yang dianjurkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) pada 20 hingga 27 April baru-baru ini diiktiraf sebagai agenda tahunan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, MSAM 2003 berjaya menarik minat masyarakat untuk hadir ke program bermanfaat itu.

Sesuai dengan matlamatnya mendidik masyarakat mengenai pelaburan khususnya dalam saham amanah melalui pelbagai program, golongan pelajar sekolah diberi peluang menyertai Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB MSAM 2003.

Bagi kategori sekolah menengah, tempat pertama dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Sheikh Ahmad, Arau Perlis dengan membawa pulang Piala Pusingan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, piala iringan serta wang tunai RM3,000.

Manakala tempat kedua menyaksikan kejayaan Victoria Institution (VI), Kuala Lumpur dan membawa pulang RM2,000 berserta piala iringan, diikuti Sekolah Menengah St Anne, Labuan di tempat ketiga.

Bertemakan 'Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak', pembabitan pelajar dalam program itu memberi manfaat berguna kepada generasi pewaris bangsa bagi menanam sikap menabung dan melabur yang memberi kebahagiaan kepada mereka pada masa depan.

Guru pengiring VI, Aminah Daud berkata, pembabitan pelajarinya itu dapat membantu menajamkan minda serta meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang pelaburan yang kurang disedari oleh remaja masa kini.

Beliau berkata, kejayaan pelajarinya itu cukup membanggakan warga sekolah elit terbabit yang dijadikan kesinambungan kejayaan mereka yang lalu.

VI diwakili empat pelajar tingkatan lima iaitu Mohd Iqbal Md Noor, Mohd Hafifi Hafiz Baharudin, Saufizul Izam Sulaiman dan Mohd Firdaus Shah Amar Shah.

Katanya, tidak seperti tahun lalu, kuiz tahun ini memberi peluang kepada peserta membuat persiapan lebih awal sebelum tarikh pertandingan. Bagaimanapun, sebagai guru pengiring, beliau agak kecewa kerana tidak dimaklumkan lebih awal berkenaan penyertaan sekolahnya pada peringkat akhir.

"Persiapan pada peringkat kebangsaan dibuat sejak awal tahun lagi iaitu sebelum kami memenangi pertandingan bagi peringkat Wilayah Persekutuan yang diadakan Sekolah Menengah Seri Bintang Selatan pada 11 Mac lalu.

"Di samping memberi pendedahan ketika di bilik darjah, saya turut memberikan beberapa buku rujukan serta soalan berkaitan yang mungkin berguna ketika pertandingan.

"Bagaimanapun, soalan tahun ini agak sukar kerana kebanyakan soalan

nampaknya lebih sesuai diajukan kepada penuntut jurusan kewangan di universiti," katanya yang ditemui di sekolah berkenaan.

Beliau berkata, meskipun sekolahnya gagal bergelar johan, namun usaha yang ditunjukkan keempat-empat pelajarnya itu mengharumkan nama sekolah. Kesungguhan yang ditunjukkan mereka tidak sia-sia.

Katanya, tanpa terlalu mengharap bantuan daripada guru semata-mata, peserta berusaha mendapatkan maklumat sendiri sama ada melalui internet, risalah PNB atau pameran yang diadakan sepanjang MSAM 2003.

"Jika tahun lalu VI cuma layak mewakili Wilayah Persekutuan ke peringkat

akhir, tapi Alhamdulillah tahun ini pasukan ini berjaya meraih tempat. Satu keputusan yang tidak disangka sama sekali," katanya.

Bagaimanapun, pasukan berkenaan agak bernasib baik kerana seorang daripada pesertanya, Mohd Hafifi Hafiz pernah mewakili sekolah pada pertandingan yang sama tahun lalu, sekali gus banyak membantu kejayaan pasukan itu.

"Memandangkan kami berada dalam tingkatan dan kelas yang sama, jadi tiada masalah untuk pasukan kami bekerjasama antara satu sama lain, lagi pula guru mata pelajaran ekonomi dan prinsip akaun banyak membantu.

"Saya menyediakan soalan dan merancang teknik sesuai yang boleh digunakan pasukan ini ketika pertandingan. Selain itu, kami kerap mengadakan perbincangan bersama guru selepas waktu pembelajaran.

"Bagaimanapun, tidak banyak soalan yang sama dikeluarkan pada pertandingan tahun ini disebabkan format kuiz banyak diubah," katanya.

Kuiz Pelaburan PNB Kategori Sekolah Menengah terbahagi kepada empat segmen iaitu individu, pilihan dan dua segmen risiko. Peringkat separuh akhir kuiz itu diadakan pada 20 April lalu di Dewan Olympic 2, Hotel Grand

Olympic, Kuala Lumpur.

Mohd Hafifi berkata, pasukan sekolahnya banyak mengumpul markah pada awal pertandingan, namun ketika segmen ketiga dan keempat, pasukannya tewas dengan kecekapan minda yang dimiliki SMK Dato Sheikh Ahmad.

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi memastikan kejayaan pasukan itu berterusan, beliau dan ahli pasukannya akan memberikan kerjasama dan tunjuk ajar kepada pelajar lain sebelum mereka melangkah ke menara gading.